

30 JUL 2003

Sukan-Selat Inggeris (Malik)

MALIK SEDIA RENTAS SELAT INGGERIS SABTU INI JIKA CUACA IZINKAN

Oleh: Asan Ahmad

DOVER (England), 30 Julai (Bernama) -- Perenang marathon Malaysia Abdul Malik Mydin dijangka berenang menyeberangi Selat Inggeris Sabtu ini jika cuaca mengizinkan.

"Saya harap tidak ada angin kerana bagi tempoh beberapa hari berikut, berdasarkan kepada ramalan cuaca, suhu di selat itu kira-kira 24 darjah celcius dengan paras air dijangka 5.8 meter. Pasang surut anak akan berlaku dalam tempoh tiga hari berikut dan ia merupakan masa paling sesuai untuk melakukan renangan," kata Malik di sini hari ini.

Namun, segala-galanya bergantung kepada keadaan angin. Jika kelajuan angin antara 18-22 batu nautika sejam, ia akan menyebabkan gelombang kuat dan tidak sesuai untuk melakukan renangan. Saya harap tidak ada angin, katanya.

Menurut Malik jika Persekutuan Renang Selat dan Pengemudian (CSPF) mendapati keadaan cuaca baik sebelum Sabtu ini, renangan akan dilakukan sebelum hari yang ditetapkan itu.

"Tanda awal cuaca baik, sayalah yang akan menajdi perenang pertama berenang kerana nama saya dalam senarai keutamaan CSPF...jadi saya perlu bersedia dari semasa ke semasa, kata Malik.

Beliau berkata terdapat sembilan perenang lain, kebanyakannya dari Amerika Syarikat, Liberia serta Ireland juga berada dalam senarai menunggu untuk berenang merentasi selat itu.

"Saya amat bertuah kerana nama saya dalam senarai teratas dan jika saya tidak berenang sebaik mendapat lampu hijau daripada CSPF, mereka akan gugurkan nama saya kepada nombor 10... jadi anda kena tunggu giliran.

Berasaskan itu, saya perlu bersedia bagi memastikan saya tidak hilang giliran," kata Malik. saya harap mereka yang mendoakan saya terus bersabar sehingga saya lakukan renangan itu. Saya perlu pastikan situasi sesuai sebelum merentas selat sejauh 32.8km itu, katanya.

Selepas pembatalan renangan pada tarikh asal pada 23 Julai, Malik terus menunggu peluang itu. Walaupun tahap pertamanya berakhir pada 27 Julai, namanya masih dalam senarai teratas untuk berenang pada bila-bila masa dan hari sehingga akhir musim panas hujung Ogos ini.

"Perenang lain dalam senarai CSPF untuk tujuan yang sama juga menghadapi masalah yang sama dan kesemuanya perlu menunggu sehingga persekutuan memberikan kami lampu hijau," katanya.

Adalah lebih baik menunggu daripada mengambil risiko. Ini tidak bermakna saya tidak mahu melakukan renangan tetapi keadaan di selat tidak membenarkannya. Saya perlu tunggu untuk masa yang terbaik, katanya.

Menurut Malik jika keadaan cuaca tidak berubah hingga akhir musim panas ini, beliau perlu menunggu hingga tahun depan apabila musim terbuka untuk merentasi selat itu dibuka antara Julai dan Ogos.

Ditanya mengenai latihannya sementara menunggu kebenaran CSPF, Malik berkata beliau tetap melakukan latihan harian.

Jurulatih saya akan menentukan program dan jika hari berikutnya tidak sesuai untuk berenang. saya akan mengisi masa di pangkalan latihan selat itu.

Selain itu, saya juga melakukan latihan mental dan berat badan dan paling penting, berehat dan tidur secukupnya.

"Saya perlu kekalkan momentum dan fleksibiliti... tumpuan saya hanya pada renangan... saya sentiasa bersedia untuk itu pada bila-bila masa," kata Malik.

Perenang berusia 28 tahun itu juga berterima kasih kepada mereka yang mendoakan kejayaannya.

"Sokongan rakyat Malaysia terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan saya lebih keyakinan dan ia menaikkan semangat saya untuk merealisasikan cabaran itu," kata Malik.

Sementara itu, Persuruhjaya Tinggi Malaysia di London Datuk Salim Hashim akan mengambil alih sementara ketua penyelaras sekretariat Cabaran Selat Inggeris mulai esok.

Beliau mengambil alih tugas itu daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Datuk Talaat Husain yang akan pulang ke Kuala Lumpur esok kerana menghadiri tugas rasmi yang penting.

"Buat sementara waktu, Datuk Salim akan menyelaras sekretariat sebelum seorang pegawai dari Pejabat Suruhanjaya Sukan di Kuala Lumpur menjalankan tugas itu," kata Talaat.

-- BERNAMA

AHA RV LAT